

CNS3672

R GB 15-11 00140 BH299

aab

PM KESAL PENIAGA LANGKAWI +PERAS UGUT+ ORANG RAMAI

Mahathir - Peniaga

LANGKAWI, 15 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkatatindakansesetengah peniaga yang menaikkan harga barang semasa ramai orang berkunjung ke pulau ini sama seperti +hendak memeras ugut orang yang terdesak+.

Reliau dukacita dengan tindakan peniaga-peniaga itu kerana ia akan merugikan negara dalam jangka panjang.

+Cara macam nak peras ugut bila ternampak orang terdesak ini memberi gambaran tidak baik mengenai rakyat Malaysia.

+Kadang-kadang rakyat Malaysia sendiri ditekan dengan harga yang tidak berpatutan, +katanya pada persidangan akhbar di Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA '91) di sini.

Reliau menasihati para peniaga di pulau pelancongan ini supaya menghentikan sikap sedemikian kerana ia akan menyebabkan orang tidak mahu lagi datang ke sini. -- Lagi

♥15/11/18-13MST

CNS3678

R GB IS-1.1 00122 BH300

aab

Mahathir - Peniaga 2 Langkawi

Mengenai rancangan kerajaan menggalakkan pertumbuhan industri penerbangan terpilih di Langkawi, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan hanya membenarkan industri yang bersih sahaja ditubuhkan di pulau itu.

+Kerajaan tidak mahu terlampau banyak industri diwujudkan dan kerana itu hanya industri yang bersih dan terpilih sahaja akan dibenarkan, +katanya, Beliau berkata industri yang menggunakan barangan ringan yang mudah dibawa dengan kapal terbang ialah antara yang sesuai diwujudkan.

Kerajaan menyediakan kawasan seluas 120 hektar, yang terletak berhampiran lapangan terbang antarabangsa di sini, sebagai tapak industri berkenaan.

Katanya, Langkawi sesuai bagi pertumbuhan industri berkenaan kerana tarafnya sebagai kawasan bebas cukai memudahkan urusan membawa masuk dan mengeksport barangan.

Datuk Seri Dr Mahathir juga mengumumkan bahawa satu persetujuan telah dicapai antara sebuah syarikat tempatan dan sebuah syarikat asing untuk menubuhkan pusat latihan penerbangan di sini.

Katanya, persetujuan itu dicapai antara syarikat Mofaz dan Pusat Latihan Juruterbang Cessna dan pusat latihan penerbangan itu dijangka dibuka mulai tahun depan.

Beliau berkata, ia adalah usahasama yang baik kerana Cessna bukan sahaja sebuah syarikat pembuat pesawat terbang tetapi ia juga mahir dalam bidang latihan penerbangan.

+Saya yakin dengan adanya sekolah penerbangan ini, lebih ramai rakyat Malaysia dan rakyat asing dapat belajar memandu kapal terbang di Malaysia, +katanya.

Menurutnya, pembukaan pusat latihan penerbangan itu adalah satu usaha yang baik kerana Akademi Penerbangan Malaysia di Melaka tidak dapat menampung permintaan yang banyak pada masa ini.

+Sekarang ini kita masih menghantar banyak rakyat ke luar negeri untuk menjadi juruterbang dan kosnya adalah lebih tinggi.

+Saya yakin kalau dibuat di sini, kosnya lebih rendah dan boleh menjadi satu industri yang menguntungkan kerana pelatih-pelatih daripada negara lain juga akan datang, +kata beliau. -- Bernama

♥15/11/18-17MST